

## PENERAPAN KEMAHIRAN *EMPLOYABILITY* DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KOLEJ KOMUNITI DI NEGERI JOHOR

Yusmarwati Yusof<sup>1,\*</sup>, Noor Shahira Amiza Mohd Alwi<sup>2</sup>, Rohayu Roddin<sup>3</sup> & Halizah Awang<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup> Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM

\*Correspondence: [marwati@uthm.edu.my](mailto:marwati@uthm.edu.my)

### Abstrak

*Kemahiran employability merupakan satu kemahiran yang diperlukan oleh pelajar sebagai persiapan untuk memasuki bidang pekerjaan kelak. Namun begitu, agak kurang kajian yang dilakukan terhadap graduan dari institusi kemahiran seperti kolej komuniti. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti penerapan kemahiran employability yang paling banyak diterapkan oleh pensyarah di kolej komuniti bagi negeri Johor. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengetahui penguasaan pelajar dalam kemahiran employability dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pensyarah dalam menerapkan kemahiran ini. Elemen-elemen kemahiran yang dikaji adalah meliputi tujuh elemen utama iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran kerja pasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran etika dan profesional dan kemahiran perniagaan. Kajian ini merupakan kajian tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 140 orang pelajar dan 44 orang pensyarah dari tiga buah kolej komuniti (KK) di negeri Johor iaitu dari KK Batu Pahat, KK Kluang dan KK Muar. Data dikumpul dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 21.0 bagi mendapatkan nilai skor min dan sisihan piawai. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kemahiran employability yang paling banyak diterapkan oleh pensyarah adalah kemahiran perniagaan. Sementara itu, kemahiran yang sangat dikuasai oleh pelajar juga adalah kemahiran perniagaan. Antara ciri-ciri yang tidak ditikberatkan oleh pensyarah adalah kurang menggunakan komputer semasa mengajar dan tidak memiliki kemahiran yang tinggi dalam penggunaan teknologi. Kajian ini diharap dapat membantu pensyarah dan pelajar untuk bersedia meningkatkan kemahiran employability dalam diri.*

**Kata kunci:** Kemahiran employability, Pengajaran dan Pembelajaran, Kolej Komuniti

### Abstract

*Employability skills are the skills required by students to prepare them for the employment. However, there is limited study conducted in the training institution such as community colleges. Therefore, this study is conducted to identify the application of the 'employability' skills that frequently implemented by lecturers at community colleges in Johor. This study is also to understand the skill that is mastered the most by the students, and the problems faced by the lecturers in inculcating this skill. The skills elements studied included the seven key elements of employability skills which are; communication, leadership, teamwork, problem solving, ethical and professional and business skills. The study is a survey study using a questionnaire as the main instrument. Questionnaire was distributed to 140 students and 44 lecturers from three community colleges in Johor. The data were collected and analyzed using the Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 21.0 to obtain mean score and standard deviation. The findings indicated that the frequent skill employed by lecturers in teaching and learning process is bussiness skill. The most mastered skill by students is also the business skill. Among challenges that need to be faced by lectures are lack of computer skills as well as lacking skills in using technology. It is important for lecturers to emphasize employability skills equally in their teaching. Whereas, students need to work to master the employability skill as a platform to prepare them for the workplace. This study is hoped to help lecturers and students prepare to enhance their employability skills.*

**Keywords:** employability skills, teaching and learning, Community Colleges.

## **1.0 PENGENALAN**

Pendidikan merupakan aspek utama yang paling besar menyumbang kepada pembangunan negara. Pertumbuhan Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang boleh dikatakan seperti ‘cendawan tumbuh selepas hujan’ kerana berkembang dengan pesat membolehkan setiap pelajar berpeluang untuk menuntut ilmu di IPT. Mengikut Akta Pendidikan Negara 1996, institusi swasta juga berpeluang menubuhkan pelbagai universiti yang turut menyediakan pelbagai kursus diploma atau ijazah kepada pelajar-pelajar lain.

Setiap IPT memainkan peranan dalam melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran dalam aspek komunikasi, pengetahuan dan komited dalam apa jua bidang yang diceburi. Dalam masa yang sama, ada segelintir pendidik yang telah ditempatkan di universiti itu lebih tertumpu kepada teori semasa sesi pengajaran dan pembelajaran di mana pendidik lebih selesa dalam berkongsi pengetahuan sahaja kepada para pelajar berbanding melakukannya. Kesannya, ramai pelajar tidak berpeluang melibatkan diri dengan aktif semasa pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Maka, ianya boleh membantutkan pelajar dalam menunjukkan kebolehan dan bakat serta kemahiran yang ada pada diri pelajar itu sendiri.

Sabtu hari, kebanyakan IPT telah menghasilkan para pelajar yang telah mencapai tahap kelayakan yang ditetapkan supaya boleh bekerja di industri. Namun begitu, kadar pengangguran tetap meningkat kerana graduan tidak mendapat tempat di industri kerana tidak memenuhi ciri-ciri yang diinginkan oleh industri. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2017), kadar pengangguran semakin meningkat iaitu 3.5% pada Januari 2017 iaitu sama seperti tahun sebelumnya.

Graduan kini bukan sahaja dikehendaki mempunyai pengetahuan akademik tetapi perlu mempunyai kemahiran generik dan kemahiran menguruskan perniagaan bagi meningkatkan kompetensi mereka. Semua kemahiran ini merupakan aset bagi kebolehpasaran graduan dan faktor penting untuk mendapatkan pekerjaan. Perubahan sosial yang berlaku dalam pasaran buruh khususnya peningkatan tahap pendidikan penduduk negara, telah menyebabkan majikan melakukan perubahan terhadap syarat pemilihan pekerja (Mohamad Khair, 2001). Keupayaan dan kemahiran graduan dalam bidang keusahawanan juga amat dititikberatkan oleh majikan di dalam memilih graduan yang betul-betul cemerlang (Li dan Zhang, 2010).

Mohamed et.al (2009) menyatakan kebanyakan graduan yang mendapat pekerjaan dalam tempoh yang singkat mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi seperti berkebolehan bekerja sendiri, kemahiran teknologi maklumat, kepimpinan, mudah menyesuaikan diri dan kemahiran intelektual. Para pekerja yang memiliki kemahiran asas seperti kemahiran matematik yang baik dan kebolehan berkomunikasi mampu menarik minat para majikan untuk bekerja di dalam industri. Sementara itu, Kim, Ghosh & Meng (1996) mendapati bahawa kebanyakan majikan meletakkan kemahiran komunikasi sebagai yang paling penting berbanding dengan kemahiran yang lain

Justeru, dengan kepesatan serta pertumbuhan teknologi baru yang canggih juga perlu dikuasai dan dikendalikan secara cepat dan pantas menyebabkan pihak industri mementingkan kemahiran *employability* agar pekerja dapat menyesuaikan diri dengan semua jenis pekerjaan. Bagi membolehkan pelajar mempunyai kemahiran *employability* setiap institusi kemahiran di Malaysia perlu menerapkan elemen-elemen kemahiran *employability* dalam kalangan pelajar bagi memastikan para pelajar akan mendapat tempat di industri atau pasaran kerja dengan lebih mudah. Oleh itu, kajian ini adalah untuk mengetahui kemahiran *employability* yang perlu diterapkan oleh pensyarah kepada pelajar di kolej komuniti sebagai persediaan kepada pelajar untuk mendapat pekerjaan kelak.

## **2.0 SOROTAN KAJIAN**

Bahagian ini menjelaskan pembolehubah-pembolehubah utama yang diketengahkan dalam kajian ini.

### **2.1 Kemahiran *Employability***

Kemahiran *employability* adalah kemahiran bukan teknikal yang sering dikaitkan dengan sikap dan personaliti yang penting bagi seseorang graduan untuk mendapatkan kerja. Penerapan kemahiran *employability* adalah perlu oleh tenaga pengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk melahirkan tenaga mahir yang berkualiti dan diperlukan oleh majikan. Kemahiran *employability* ini adalah sebagai gambaran personal, sikap, tabiat, dan juga tingkah laku, cara berkomunikasi, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan serta proses mengurus organisasi (Buntat, 2004).

Noraini et.al (2010) menyatakan pendidikan kemahiran *employability* dan pembelajaran sepanjang hayat akan menjadi kunci kejayaan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran *employability*, pengetahuan *employability* dan keupayaan *employability* jika digabungkan bersama nilai positif, sikap positif serta adab tatasusila masyarakat timur akan melahirkan bangsa Malaysia yang cintakan negara serta menghormati perlembagaan dan juga Rukun Negara.

Manakala menurut Zaidul dan Suffian (2015) di dalam kajiannya mendapati kebanyakan pihak majikan lebih berminat kepada bakal pekerja yang mempunyai pelbagai aspek kemahiran tanpa diberi latihan dalam perkhidmatan. Kemahiran *employability* amat penting dalam latihan teknikal untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, kreatif dan inovatif (Yassin, 2011). Andrew dan Russel (2011) menyatakan kemahiran *employability* adalah satu set yang berkaitan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang perlu dimiliki bakal pekerja untuk memastikan mereka mempunyai keupayaan di tempat kerja.

Buku '*Employability For Skills Law Students*' menyenaraikan jenis-jenis kemahiran *employability* yang perlu ada pada setiap individu atau pelajar (Fafinski, 2014):

- (i) Kemahiran kepimpinan
- (ii) Pasukan kerja (Team working)
- (iii) Menyelesaikan masalah (*Problem solving*)
- (iv) Penggunaan teknologi maklumat(*Application of information technology*)
- (v) Komunikasi (*Communication*)
- (vi) Etika dan moral profesional
- (vii) Kemahiran perniagaan (*Business skills*)

Kemahiran-kemahiran ini adalah antara kemahiran yang dikenalpasti diperlukan oleh majikan agar seseorang pekerja dapat menahan cabaran globalisasi. Oleh itu, kolej komuniti yang diwujudkan sebagai pemangkin dalam menjana sosioekonomi masyarakat setempat dengan menyediakan latihan bagi memenuhi permintaan tenaga sokongan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) (Mustor, 2006) perlulah bersedia dalam memenuhi keperluan ini.

Selaras dengan lonjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) dalam melahirkan graduan berkualiti, kolej komuniti menyediakan latihan kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional termasuk perdagangan, pertanian, kesihatan dan bidang lain bagi memenuhi tuntutan dunia pekerjaan. Terdapat 91 Kolej Komuniti di seluruh Malaysia yang menawarkan pengajian peringkat sijil dan diploma serta kursus jangka pendek untuk memenuhi keperluan pasaran dan penduduk setempat. Kewujudan kolej komuniti juga membolehkan masyarakat setempat dan individu mendapat pendidikan seumur hidup bagi meningkatkan kualiti kehidupan selain memberi peluang menggunakan kemudahan yang disediakan di situ (Alias, 2015).

Sehubungan dengan itu, tenaga pengajar di kolej komuniti perlu banyak merangsang pelajar dengan mempertingkatkan penglibatan individu dari pelbagai aspek seperti kemahiran bekerja dalam pasukan, kemahiran berkomunikasi, dan menyampaikan maklumat. Seseorang pendidik atau tenaga pengajar perlu bertindak sebagai pelaksana kepada sesuatu kurikulum dan sentiasa bersedia dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurut Yassin (2011) menyatakan para pendidik atau tenaga pengajar perlu memperlengkapkan pengetahuan dan kemahiran pengajaran mereka supaya tahap keberkesanan pengajaran lebih bermutu.

## 2.2 Kepentingan *Employability Skill* dalam Kalangan Pelajar dan Industri

Dalam kepesatan dunia yang serba moden dan perkembangan teknologi yang semakin canggih memerlukan modal insan atau tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran. Pekerja yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan akan menjadi pilihan kepada majikan untuk membangunkan industri mereka seiring dengan pertumbuhan ekonomi pada masa sekarang.

Ismail (2016) mengatakan seramai 107,000 orang graduan menganggur dicatatkan bagi tempoh empat bulan pertama pada tahun 2016 yang berlaku disebabkan kelulusan akademik rendah, kurang berminat dengan pekerjaan yang ditawarkan selain tidak sepadan dengan bidang pengajian yang diikuti di universiti. Di samping itu, menurut Zaidul dan Suffian (2015), kebanyakan pihak majikan lebih berminat kepada bakal pekerja yang mempunyai pelbagai aspek kemahiran tanpa diberi latihan dalam perkhidmatan. Ini juga akan menjimatkan kos pihak industri tanpa perlu mengeluarkan wang untuk memberikan latihan tambahan kepada pekerja-pekerja baru.

Masalah pengangguran dalam kalangan graduan bukanlah suatu perkara yang baru. Hal ini kerana ramai graduan yang tidak memiliki disiplin ilmu yang relevan, akhlak dan penetapan minda yang sesuai, tingkah laku dan beradab untuk memajukan diri bagi membolehkan mereka memberikan sumbangan kepada keharmonian dan kemajuan keluarga, masyarakat, negara dan komuniti global. Perkara ini telah menyebabkan graduan sukar untuk mendapat tempat di industri.

Antara faktor lulusan IPT tidak mendapat tempat di pasaran pekerjaan adalah disebabkan mereka tidak mempunyai integrasi kemahiran *employability*. Seo (2003), menyatakan bahawa berlakunya masalah pengangguran di kalangan graduan masa kini adalah disebabkan kurangnya kemahiran komunikasi, pengalaman

bekerja dan tidak mampu lagi menyokong pertumbuhan ekonomi di negara ini. Graduan juga didapati kurang kompeten terutamanya dalam aspek keperibadian, penampilan, keyakinan diri, kemahiran komunikasi, penggunaan ICT terbatas dan kurang mampu untuk bekerja dalam kumpulan. Sementara itu, merujuk kepada PPPTM-PT (2015-2025) pula, faktor pelajar tidak mendapat tempat di industri adalah kerana penerapan kemahiran-kemahiran *employability* yang kurang wujud dalam diri pelajar yang berlaku ketidaksepadanan antara kemahiran graduan dan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri.

Buntat (2004), menyatakan bahawa *employability* adalah suatu perkara yang berkaitan dengan personaliti, sikap, tabiat, dan juga tingkah laku, cara untuk berkomunikasi, penyelesaian masalah dan kemahiran membuat keputusan serta proses mengurus organisasi. Kemahiran-kemahiran ini adalah termasuk dalam sebahagian elemen-elemen kemahiran *employability*.

Justeru, kemahiran-kemahiran inilah yang akan dinilai pada setiap individu yang memohon kerja setelah tamat pengajian mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Tambahan, jika pelajar gagal menonjolkan diri atau lemah penguasaannya dalam kemahiran *employability*, mungkin sukar untuk mendapat pekerjaan. Perkara ini bukan sahaja melibatkan graduan-graduan di universiti, tetapi juga di kolej-kolej pendidikan seperti kolej komuniti. Tambahan itu, menurut Yusof (2009) dalam kajian mereka menerangkan bahawa sistem pendidikan perlu menekankan kurikulum yang lebih dinamik dan mengikut perkembangan teknologi seiring proses globalisasi. Justeru, kurikulum yang digubal berdasarkan kemahiran *employability* akan memudahkan pensyarah di tempat pengajian untuk menerapkan unsur-unsur kemahiran dalam pengajaran mereka dan membantu pelajar menguasai kemahiran tersebut dengan lebih baik. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti penerapan kemahiran *employability* ini dalam pengajaran dan pembelajaran di kolej komuniti.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk;

- (i) Mengenalpasti elemen kemahiran *employability* yang diterapkan oleh pengajar kepada pelajar di kolej komuniti.
- (ii) Mengenalpasti elemen kemahiran *employability* yang dikuasai dalam kalangan pelajar.
- (iii) Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pensyarah dalam menerapkan kemahiran *employability* semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

### **4.0 METODOLOGI KAJIAN**

Metodologi penyelidikan memberi panduan dalam perlaksanaan serta cara perlaksanaan penyelidikan yang dilakukan (Buntat, 2007). Metodologi yang dirancang dapat membantu pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih bersistem dan seterusnya dapat melaksanakan proses pengambilan data dengan teratur.

Rekabentuk sesuatu penyelidikan pula adalah merupakan teknik dan kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah (Majid, 2009). Dalam kajian ini, kajian kes telah dipilih sebagai rekabentuk kajian. Kajian kes ialah suatu kajian yang dilakukan terhadap sesuatu kes yang berkait dengan manusia, projek, komuniti, kumpulan manusia atau beberapa bahagian dalam sesuatu program (Malek, 2007). Dalam kajian ini, elemen kemahiran *employability* dalam kalangan pelajar kolej komuniti merupakan kes yang dikaji berdasarkan maklumbalas responden melalui borang soal selidik yang telah diedarkan.

Borang soal selidik merupakan instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini. Ia terdiri dari tiga bahagian utama; Bahagian A- maklumat demografi, Bahagian B- elemen kemahiran *employability* yang dikuasai pelajar, dan Bahagian C- kemahiran *employability* yang diterapkan oleh pensyarah. Responden diminta memberi maklumbalas menggunakan Skala Likert Lima Mata, dengan skala satu 1 bagi aras yang paling rendah (sangat tidak setuju) dan skala 5 bagi aras yang paling tinggi (sangat setuju). Data yang diperolehi seterusnya dianalisa menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21.0 bagi mendapatkan nilai min dan sisisian piawai.

Responden dalam kajian ini adalah terdiri daripada 140 orang pelajar tahun akhir dan 44 orang pensyarah dari kolej komuniti di negeri Johor iaitu dari Kolej Komuniti Batu Pahat, Kolej Komuniti Kluang dan Kolej Komuniti Muar.

### **5.0 DAPATAN KAJIAN**

Analisis data dilakukan berdasarkan item-item dan bahagian-bahagian yang dikemukakan di dalam borang soal selidik. Untuk memudahkan proses analisis, nilai skor min telah dinterpretasi mengikut tahap julat skor min seperti Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber; (Dzulkifli, 2005)

Dapatan kajian dianalisa dengan merujuk kepada objektif kajian.

### 5.1 Kemahiran *employability* yang paling banyak diterapkan oleh pensyarah kepada pelajar

Objektif kajian yang pertama adalah berkenaan dengan jenis kemahiran *employability* yang diterapkan oleh pensyarah kepada pelajar di kolej komuniti. Kemahiran *employability* dibahagikan kepada tujuh elemen iaitu kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran penggunaan teknologi maklumat, kemahiran kerja berpasukan, etika dan moral profesional dan kesedaran perniagaan. Setiap elemen terdiri dari beberapa soalan. Jadual 2 menunjukkan nilai min purata dan sisihan piawai bagi setiap elemen kemahiran *employability* ini.

Jadual 2 : Skor Min purata elemen Kemahiran Employability yang paling banyak diterapkan

No. item	Item	Skor min	Sisihan piawai (SP)	Interpretasi
1	Kemahiran Kepimpinan	4.38	0.573	Tinggi
2	Kemahiran Komunikasi	4.28	0.663	Tinggi
3	Kemahiran Menyelesaikan Masalah	4.40	0.606	Tinggi
4	Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat	4.26	0.707	Tinggi
5	Kemahiran Kerja Berpasukan	4.56	0.524	Tinggi
6	Kemahiran Etika dan Moral Professional	4.51	0.554	Tinggi
7	Kemahiran Perniagaan	4.59	0.469	Tinggi

Jadual 2 jelas menunjukkan kesemua elemen berada pada tahap kemahiran yang tinggi dengan julat min adalah di antara 4.28 - 4.59. Elemen Kemahiran perniagaan menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.59 (SP = 0.469). Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Etika dan Moral Professional juga menunjukkan antara bacaan min yang paling tinggi iaitu melebihi 4.50. Sementara itu nilai yang paling rendah adalah bagi elemen Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat dengan min 4.26, SP = 0.707, dan diikuti oleh elemen Kemahiran Komunikasi dengan min 4.28, SP= 0.663. Walaubagaimanapun, kedua-dua item ini masih di dalam julat skor yang tinggi.

### 5.2 Analisis elemen kemahiran *employability* yang paling dikuasai pelajar dalam pembelajaran di dalam kelas

Bahagian ini pula adalah berkenaan elemen kemahiran ‘employability’ yang paling dikuasai pelajar dalam pembelajaran di dalam kelas. Jadual 3 mempersembahkan hasil analisis data yang diperolehi dari soal selidik yang diedarkan.

Jadual 3: Skor Min Purata Elemen Kemahiran *Employability* yang Paling Dikuasai oleh Pelajar

No. item	item	Skor min	Sisihan piawai (SP)	Interpretasi
1	Kemahiran Kepimpinan	3.56	0.956	Sederhana
2	Kemahiran Komunikasi	3.57	1.030	Sederhana
3	Kemahiran Menyelesaikan Masalah	3.68	1.007	Tinggi
4	Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat	3.92	0.989	Tinggi
5	Kemahiran Kerja Berpasukan	3.86	0.931	Tinggi
6	Kemahiran Etika dan Professional	3.92	0.908	Tinggi
7	Kemahiran Perniagaan	3.95	0.887	Tinggi

Dari dapatan kajian yang diperolehi, kesemua item berada pada tahap yang tinggi iaitu julat min antara 3.56-3.95. Walaubagaimanapun, jumlah min ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan data yang diperolehi dari pensyarah. Namun begitu terdapat persamaan respon, dimana pelajar turut sependapat bahawa kemahiran perniagaan adalah antara elemen kemahiran employability yang paling mereka kuasai dengan Min yang paling tinggi iaitu 3.95, SP = 0.887. Ini diikuti oleh Kemahiran Etika dan Professional dan Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat, masing-masing dengan nilai yang sama iaitu 3.92 (SP = 0.908, SP = 0.989). Dapatkan ini agak berbeza dengan respon dari guru (Jadual 2) yang menunjukkan bahawa Kemahiran Penggunaan Teknologi Maklumat adalah antara kemahiran yang paling kurang diterapkan dalam pengajaran. Elemen kemahiran yang paling rendah dikuasai oleh pelajar ialah kemahiran kepimpinan dan kemahiran komunikasi dengan nilai min masing-masing 3.56, SP = 0.956 dan 3.57, SP = 1.030. Jika dilihat dari Jadual 2, kemahiran komunikasi juga adalah yang paling kurang diterapkan oleh guru dalam pengajaran. Oleh itu, mungkin tidak menghairankan jika pelajar juga kurang menguasai kemahiran ini.

### 5.3 Masalah-masalah yang dihadapi oleh Pensyarah dalam menerapkan kemahiran *employability* semasa Proses pengajaran dan pembelajaran (PdP)

Jadual 4 menunjukkan masalah yang dihadapi oleh pensyarah dalam memastikan kemahiran employability dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 4: Skor Min masalah yang dihadapi oleh pensyarah dalam menerapkan kemahiran *employability*

No. item	item	Skor min	Sisihan piawai	Interpretasi
1	Saya sentiasa mengawal perkembangan interaksi di dalam kelas.	4.36	0.613	Tinggi
2	Saya dapat membentuk kecekapan bahasa dan kecekapan dalam berkomunikasi dengan pelajar.	4.20	0.594	Tinggi
3	Saya mengamalkan kemahiran bekerja secara berkumpulan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PDP).	4.32	0.708	Tinggi
4	Saya telah merancang aktiviti pengajaran sebelum masuk ke kelas dan melakukan aktiviti yang banyak di dalam kelas.	4.55	0.548	Tinggi
5	Saya mengamalkan pengajaran berpusatkan pelajar.	4.16	0.939	Tinggi
6	Saya kerap menggunakan komputer ketika mengajar.	4.02	0.849	Tinggi
7	Saya memiliki kemahiran yang tinggi dalam penggunaan teknologi.	4.05	0.834	Tinggi
8	Saya mempunyai pengalaman yang tinggi dalam menerapkan kemahiran employability di dalam kelas.	4.25	0.719	Tinggi
9	Saya sentiasa bersikap adil terhadap pelajar saya.	4.45	0.548	Tinggi
10	Saya mementingkan pelajar untuk kerja berpasukan.	4.43	0.545	Tinggi
<b>Purata</b>		<b>4.27</b>	<b>0.689</b>	<b>Tinggi</b>

Berdasarkan Jadual 4, secara keseluruhannya skor min bagi semua item adalah pada tahap yang tinggi iaitu julat min antara 4.02 hingga 4.55, yang menunjukkan bahawa guru dapat melaksanakan semua kemahiran yang diperlukan dengan baik. Min yang paling tinggi adalah item 4 ; - “Saya telah merancang aktiviti pengajaran sebelum masuk ke kelas dan melakukan aktiviti yang banyak di dalam kelas” dengan min 4.55, SP = 0.548. Manakala min paling rendah adalah item 6 ; - “Saya kerap menggunakan komputer ketika mengajar, dengan min 4.02, SP = 0.849. Guru juga didapati kurang kemahiran yang tinggi dalam teknologi (item 7), dengan min kedua rendah, 4.05, SP = 0.834. Secara umumnya, pensyarah-pensyarah menitikberatkan ciri-ciri kemahiran employability sewaktu melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dan kurang menghadapi sebarang masalah yang ketara dalam menerapkan elemen-elemen ini dalam PdP.

## 6.0 PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dengan lebih jelas hasil dapatan yang dianalisis dari soal selidik yang telah diedarkan.

### 6.1 Kemahiran *Employability* yang Paling Banyak diterapkan oleh Pengajar kepada Pelajar di Kolej Komuniti

Berdasarkan hasil dapatan kajian, penerapan kemahiran yang paling banyak diterapkan oleh pensyarah ialah kemahiran perniagaan. Apabila wujud semangat bermula dalam diri, pensyarah mampu untuk menyampaikan ilmu yang ada dengan sebaiknya kepada pelajar. Hal ini memberikan kesan yang sewajarnya kepada pelajar supaya dapat melatih diri menjadi insan yang adil semasa menguruskan perniagaan dan menjaga hubungan yang baik dengan pelanggan.

Hasil analisis juga mendapati kemahiran teknologi maklumat masih belum diaplikasikan sepenuhnya oleh pensyarah semasa mengajar. Ada sesetengah pensyarah tidak gemar menggunakan komputer kerana merasakan ianya merumitkan dalam penggunaanya. Seharusnya, guru bersikap kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran terutama dengan mengaplikasikan penggunaan komputer dalam pembelajaran sehari-hari (Amiruddin, 2009)

Selain itu, pensyarah juga banyak menerapkan kemahiran kerja secara berpasukan di kalangan pelajar. Hal ini penting untuk membantu pelajar membina keyakinan dalam menyuarakan pendapat serta mempunyai kemahiran yang diperlukan bagi bekerja dengan orang lain. Tambahan lagi, kerja berpasukan harus wujud di kalangan pelajar dengan menekankan sikap kerjasama supaya dapat membiasakan diri dengan kepelbagaian manusia dari segi idea, latar belakang dan pengalaman. Oleh itu, pensyarah haruslah bersifat holistik, iaitu melibatkan semua pihak dan dibuat secara berterusan. Konklusinya, kerja secara berpasukan amat penting diamalkan dan diserapkan terhadap pelajar.

Dari segi kemahiran komunikasi, tahap penerapan pensyarah terhadap pelajar berada pada tahap yang tinggi. Namun pensyarah haruslah meningkatkan kebolehupayaan pelajar untuk berkomunikasi dengan pelbagai bangsa dan juga kaum. Hal ini kerana, kemahiran komunikasi mampu mewujudkan hubungan yang baik dengan pihak lain di samping memudahkan urusan kerja dengan orang lain. Malah pelajar juga perlu menghormati perasaan orang lain semasa berkomunikasi dan pelajar seharusnya sedar perasaan atau isi hati rakan seperjuangan yang lain supaya dapat mewujudkan suasana yang sesuai untuk berkomunikasi di bilik kuliah.

Secara kesimpulannya, semua pensyarah seharusnya menerapkan kemahiran *employability* kepada pelajar dengan memperkemaskan lagi kurikulum berkaitan *employability* supaya ianya dapat disampaikan dengan sebaiknya kepada pelajar sekaligus membantu pelajar untuk meningkatkan penguasaan kemahiran *employability* sebagai kelebihan untuk mendapatkan pekerjaan.

### 6.2 Kemahiran *Employability* yang Dikuasai dalam Kalangan Pelajar

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar menguasai dengan baik kesemua tujuh elemen kemahiran *employability* yang dikaji. Pelajar kolej komuniti dilihat sebagai bakal pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal yang baik tetapi tidak di dalam kemahiran bukan teknikal. Terdapat majikan di industri yang mengaitkan kekurangan kemahiran *employability* seperti etika kerja yang positif, kemahiran berkomunikasi, kerja berpasukan dan kebolehan membuat keputusan serta kepimpinan sebagai faktor utama yang menjelaskan kebolehpasaran siswazah Malaysia (Hanapi, 2016). Pekerja yang mempunyai kemahiran teknikal yang tinggi tidak menjamin sebuah syarikat atau industri itu untuk terus maju dan berkembang jika tanpa kemahiran lain seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran bekerjasama dan kemahiran yang lain yang di golongkan sebagai kemahiran *employability* (Mangkau, 2012)

Berdasarkan analisis kajian ini, kemahiran yang paling kurang dikuasai oleh pelajar ialah kemahiran kepimpinan. Prinsip kepimpinan adalah satu huriaian yang merupakan garis panduan asas apabila pemimpin

hendak melaksanakan fungsi mereka (Solehah, 2012). Jika dilihat dari perspektif majikan, kemahiran kepimpinan merupakan satu aspek yang terpenting untuk mengerakkan suatu kumpulan manusia menuju kepada sesuatu yang ditetapkan. Oleh yang demikian, pelajar seharusnya memantapkan diri dengan mewujudkan strategi supaya kemahiran kepimpinan dapat ditingkatkan.

Manakala kemahiran lain yang berada pada tahap sederhana ialah kemahiran komunikasi. Pelajar seharusnya meningkatkan keyakinan diri dan mengurangkan perasaan malu supaya boleh bercakap dengan baik di khalayak ramai. Justeru itu juga, pelajar hendaklah aktif di dalam kelas dan memperbanyak latihan berbentuk pembentangan dalam kelas supaya ianya dapat melatih pelajar untuk meningkatkan komunikasi dalam kalangan pelajar serta sebagai persediaan apabila bekerja nanti. Kepentingan kemahiran komunikasi dalam kalangan pelajar adalah sebagai satu keperluan di dalam semua karier yang diceburi oleh pelajar, kerana 80% daripada masa mereka bekerja nanti mereka akan sentiasa berkomunikasi di antara satu sama lain, berseorangan atau di dalam kumpulan (Mangkau, 2012).

Selain itu, analisis item melibatkan kemahiran menyelesaikan masalah berada pada tahap tinggi. Kebanyakan pelajar berpotensi untuk berusaha membuat penyelesaian, mengubah hidup supaya ianya dapat diatasi dengan sebaiknya. Tambahan itu, suatu masalah juga berperanan memperluaskan imiginasii seseorang.

Kemahiran yang paling banyak dikuasai oleh pelajar ialah kemahiran penggunaan teknologi maklumat dan kemahiran etika serta profesional. Walaupun pensyarah didapati kurang menerapkan kemahiran ini, tetapi kebanyakan pelajar mempunyai pengetahuan yang baik berkaitan dengan penggunaan teknologi. Tambahan lagi, dengan teknologi maklumat ianya mampu untuk menjadikan seseorang peka dengan perkembangan dunia. Pengurusan organisasi akan lebih teratur jika terdapat pekerja yang pandai mengurus dan mengatur sesuatu perjalanan dalam organisasi. Oleh itu, pelajar seharusnya sentiasa meningkatkan ilmu dengan teknologi maklumat dari semasa ke semasa. Dari segi etika dan profesional pula, pelajar yang mempunyai kelakuan yang beretika seperti menunjukkan ketelusan, jujur dan boleh dipercayai mampu menarik minat organisasi untuk bekerja dengan mereka. Hal ini kerana segala rahsia dan maklumat di organisasi dapat dijaga dengan sebaiknya.

Kemahiran yang paling banyak dikuasai oleh pelajar ialah kemahiran perniagaan. Kebanyakan pelajar mempunyai ilmu dalam bidang perniagaan dimana wujud sikap pengurusan kewangan yang baik. Selain itu, sikap memelihara hubungan yang baik juga mampu menarik perhatian orang sekeliling untuk terus menjalinkan urusan dengan pelajar mahupun bekerja kelak.

Kesimpulannya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan pelajar dapat menguasai semua elemen kemahiran *employability* pada tahap yang baik. Oleh itu, pelajar seharusnya memerlukan latihan yang sewajarnya supaya dapat meningkatkan lagi kemahiran *employability* dan dijadikan persediaan untuk berada di organisasi nanti.

### **6.3 Masalah yang dihadapi oleh Pensyarah dalam Menerapkan Kemahiran *Employability* dalam Proses PdP**

Antara masalah utama yang dihadapi oleh pensyarah dalam menerapkan kemahiran *employability* ialah dalam penggunaan teknologi maklumat. Kebanyakan pensyarah kurang menggunakan komputer semasa pengajaran dan pembelajaran kerana tiada kemahiran dalam penggunaan teknologi. Semua pensyarah seharusnya meningkatkan kemahiran teknologi maklumat dengan menyertai kursus dan seminar yang berkaitan. Hal ini dianggap penting kerana ianya dapat membantu memperluaskan tahap penguasaan dan penggunaan dalam pendidikan.

Secara kesimpulannya, masalah yang dihadapi oleh pensyarah sebenarnya masih berada ditahap yang terkawal dan tidak memberikan kesan yang ketara kepada pensyarah dalam menerapkan kemahiran *employability* kepada pelajar semasa pengajaran dan pembelajaran.

## **7.0 KESIMPULAN**

Dengan peredaran masa yang semakin berkembang maju, seseorang pelajar seharusnya mempunyai pelbagai kemahiran dan melengkapkan diri dengan kemahiran *employability*. Setiap individu mestilah mempunyai kemahiran *employability* yang tinggi dalam pelbagai aspek seperti kemahiran kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran perniagaan dan kemahiran etika serta profesional sebagai keperluan industri bagi memastikan ekonomi negara terus maju dan berdaya saing. Dapat kajian ini jelas menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di kolej komuniti yang dikaji dapat menguasai dengan baik setiap kemahiran *employability* yang dikaji. Walaubagaimana pun mereka memerlukan latihan yang sesuai untuk meningkatkan lagi kemahiran tersebut.

Latihan teknikal seharusnya terancang dan terurus dalam menawarkan kursus-kursus yang berhubung secara terus dalam menyediakan individu-individu untuk diterima bekerja dan juga menyediakan mereka pekerja yang berkebolehan.

Penambahbaikan yang berterusan perlu dititikberatkan supaya dapat menjamin kualiti program dan kursus. Institusi juga perlu mengambil inisiatif dalam memupuk kemahiran *employability* di kalangan pelajar kerana kemahiran tersebut juga merupakan keutamaan kepada industri selain daripada kemahiran teknikal.

## 8.0 RUJUKAN

- Abd Rahim Abd Rashid, S. H. (2006). *Halatuju Pengurusan Sumber Manusia Dan Kerjaya*. Kuala Lumpur: Utusan Publicationd & Distributors Sdn.Bhd.
- Madar, A.R. (2008). *Kemahiran Employability Bagi Memenuhi Keperluan Industri*. 386-389.
- Alias, E. A. (2015). *Kolej Komuniti Lahir Graduan Berkemahiran*. Kepala Batas: BH Online.
- Amiruddin, M. H. (2009). *Kemudahan Sikap Dan Kemahiran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas Sekolah Menengah Teknik Malaysia*.
- Ayudin, N. Z. (N.D.). *Kerjaya Sebagai Pensyarah*. PTS Professional.
- Azizi Yahya, S. H. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. In A. H. Yahya, *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan* (P. 13). Kuala Lumpur : PTS Professional.
- Buntat, Y. B. (2008). *Kemahiran 'Employability'(Soft Skills) Dan Kepentingan Di Kolej-Kolej Kediaman Pelajar*. 1.
- Fafinski, E. F. (2014). *Emplayability Skills For Law Students* . United States Of America: Oxford University Press.
- Ghafar, M. N. (2014). *Pembangunan Organisasi Di Malaysia (Projek Pendidikan)*. Skudai,Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hanapi, A. K. (2016). Jurang Integrasi Kemahiran Employabiliti Di Malaysia: Satu Kajian Empirikal Graduan Kejuruteraan Kolej Komuniti. *Malaysian Journal Of Society And Space*, 147.
- Ismail, R. (2006). *12 Rukun Kerja Berpasukan* . Kuala Lumpur: Utusan Publications 7 Distributors Sdn. Bhd.
- Jihad, S. D. (N.D.). *Menjadi Guru Professional ,Strategi Meningkatkan Kualifikasi Dan Kualitas Guru Di Era G*
- Mangkau, I. D. (2012). Penggunaan Kemahiran Komunikasi Dalam KALANGAN. *Prosiding Seminar Pendidikan Pasca Ijazah Dalam PTV Kali Ke-2, 2012*, 4.
- Mohamed, A. S, Aziz Shah, M dan Ang, M. N. (2009). *Kemahiran Bimbingan Dan Kaunseling*. Uala Lumpur: PTS Professional
- Mohamad Khair, A. H. (2001). *Bakat Dan Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Mustor, A. H. (2006). *Pendidikan Selepas SPM*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Solehah, M. (2012), Kepimpinan dan Kerja Berpasukan. Retrieved From [Http://Pembangunandiri1.Blogspot.My/2012/12/Kepimpinan-Kerja-Berpasukan\\_4995.Html](Http://Pembangunandiri1.Blogspot.My/2012/12/Kepimpinan-Kerja-Berpasukan_4995.Html)
- Yassin, M. H. (2011). *Sudut Pandang Muhyiddin Yassin*. Kuala Lumpur: TBM.
- Yusof, Z. (2009). *Sukarkah Komunikasi Anda ? Seni Berhubung Dengan Orang Lain*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaidul, A., Suffian, S. A. (2015). *Kepentingan Elemen Agama Dalam Kemahiran Employability Di Kalangan Mahasiswa : Kajian Terhadap Graduan Akademi Islam Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*, 3.